

1249/2
SEJARAH
Kertas 2
JULAI
2026
2 ½ jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
DAERAH TANGKAK
2026

SEJARAH
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- 2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan dalam **Bahagian B**.
- 3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
- 4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
- 5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama kertas jawapan **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai corak politiknya yang tersendiri bagi membentuk sebuah negara bangsa.

(a) Nyatakan dua ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b) Huraikan peranan pembesar berempat dalam memastikan pentadbiran berjalan lancar.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Baca pernyataan tersebut.

Utamakan keadilan, hapus kezaliman

Sumber :<https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/649818>

Jelaskan kesan perkara tersebut kepada negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan British Military Administration (BMA) pada 1 April 1946.

(a) Nyatakan hasrat British terhadap Malayan Union.

- (i).....
- (ii).....

[2 markah]

(b) Jelaskan kandungan dalam Perlembagaan Malayan Union.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Lirik lagu tersebut boleh dikaitkan dengan perjuangan rakyat menentang Malayan Union.

Tanah Pusaka

Musuh melanggarku gempur
Sungguh rela ku gugur kerana
Kau tanah pusaka
Biar putih tulang jangan putih mata

Penulis lirik asal : Tan Sri Mohamed Rahmat

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 (a) Nyatakan **dua** kebebasan asasi yang dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kebebasan asasi di 3 (a).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) “Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan”

Sumber diubahsuai: <https://www.parlimen.gov.my>

Ulasakan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4 Dasar Pendidikan Kebangsaan telah ditambah baik melalui Akta Pendidikan 1996.

(a) Nyatakan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Mengapakah Laporan Rahman Talib dibentuk?

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Carta pai di bawah menunjukkan data kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).



Ulaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab *tiga* soalan sahaja.

5 Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian pada 1 Februrari 1948.

(a) Mengapakah pentadbir British menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

[4 markah]

(b) Huraikan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[8 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Ubahsuai Sumber : <https://hids.arkib.gov.my>

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

- 6 Kemerdekaan negara pada 31 Ogos bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah merupakan peristiwa yang penuh bermakna buat negara kita.

(a) Apakah yang anda faham tentang kemerdekaan?

[4 markah]

(b) Terangkan peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal.

[8 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 yang dicapai melalui kata sepakat seharusnya dihargai dan dihayati oleh seluruh warga Malaysia. Meskipun ia dicapai tanpa pertumpahan darah, namun banyak liku-liku yang terpaksa ditempuhi yang menuntut pengorbanan. Kemerdekaan negara sering dikaitkan dengan semangat patriotisme. Ia bukanlah sekadar luahan perasaan, namun memerlukan penghayatan dan pembuktian daripada setiap warganegara. Semangat patriotisme perlu diterjemahkan melalui keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan serta penghargaan terhadap para pejuang yang berpenat lelah dan berkorban. Oleh itu, setiap warganegara Malaysia harus mempunyai semangat patriotisme yang tinggi bagi memastikan kemerdekaan ini terus kekal dan utuh.

Sumber: Diubah suai dari buku Malaysia Tanah Airku, 2023

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan berikut.

[8 markah]

7 Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri terjalin dalam pelbagai bentuk memberikan manfaat kepada kesejahteraan rakyat.

(a) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perkara berikut:

i) Pembangunan sosioekonomi [6 markah]

ii) Penyediaan perumahan rakyat [6 markah]

(b) Poster berikut berkaitan dengan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.



Berikan ulasan anda.

[8 markah]



- 8 Negara kita telah menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia. Antaranya adalah tragedi hubungan antara kaum pada 13 Mei 1969.


(a) Mengapakah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969?

[4 markah]

(b) Bagaimanakah langkah pemimpin terdahulu mengatasi peristiwa 13 Mei 1969 dapat dicontohi oleh pemimpin masa kini dalam mempertahankan keamanan negara?

[8 markah]

(c) Poster tersebut berkaitan dengan etika untuk mencapai perpaduan selepas negara berhadapan dengan peristiwa hitam dalam sejarah.



Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

9 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sikap terbuka dan ekonomi pasaran bebas. Namun begitu, Malaysia juga tidak terkecuali daripada menghadapi isu pada peringkat global.

(a) Bagaimanakah Malaysia menangani isu pemerdagangan orang?
[6 markah]

(b) Huraikan pelibatan Malaysia dalam kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga.
[6 markah]

(c) Teliti infografik berikut.



Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan harapan anda terhadap negara kita dalam bidang ekonomi pada masa hadapan.
[8 markah]

-Soalan tamat-